

07/10/2000

Perbuatan guru hasut pelajar dianggap serius

MUAR, Jumaat - Kementerian Pendidikan memandang serius sikap segelintir guru yang terbabit dengan kegiatan menghasut pelajar supaya membencikan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana tindakan itu boleh menjejaskan keseluruhan perkhidmatan perguruan di negara ini.

Sambil menyifatkan tindakan guru terbabit tidak menunjukkan komitmen dengan tugas yang diamanahkan sebagai pendidik, Timbalan Menteri, Datuk Abdul Aziz Samsuddin mahu tindakan tegas dikenakan terhadap guru berkenaan.

Beliau berkata, kementerian yakin tindakan guru yang menghasut pelajar supaya membenci kerajaan dan Perdana Menteri tidak mendapat sokongan majoriti rakyat negara ini.

"Saya yakin pihak kesatuan dalam perkhidmatan perguruan tidak merestui tindakan guru berkenaan kerana terbukti menyimpang dari pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

"Sebagai pendidik, guru sepatutnya menyemai perasaan kasih sayang dan menghormati golongan lebih tua serta pemimpin, bukan sebaliknya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan sesi dialog bersama Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) negeri di Hotel Classic, di sini, hari ini.

Aziz yang diminta mengulas laporan seorang ustaz berusia dalam lingkungan 50-an di sebuah sekolah menengah di Melaka yang menghasut pelajar supaya bencikan Perdana Menteri berkata, guru terbabit sepatutnya memupuk semangat cintakan tanah air dan bersyukur dengan kesejahteraan yang dinikmati di negara ini sekarang.

Menurutnya, kementerian mengenal pasti segelintir guru yang terpengaruh atau dipengaruhi politik pembangkang dan mereka ini menjalankan kegiatan menghasut pelajar supaya membenci kerajaan dan pemimpin termasuk Perdana Menteri.

"Kita tidak hairan jika kegiatan ini dilakukan oleh kader parti pembangkang di luar sekolah kerana mereka memang bertanggungjawab apa jua yang dilakukan oleh kerajaan semuanya tidak betul" katanya.

(END)